

Terma dan Syarat
“**Kempen Pengeluaran Tunai (Pendahuluan Tunai) Kad Kredit-i Bank Islam**”
“**Pulangan Tunai RM20 untuk dimenangi!**”
1 Jun 2020 – 30 September 2020

Tempoh Kempen

1. Bank Islam Malaysia Berhad (“**Bank Islam**”) menganjurkan “**Pulangan Tunai RM20 untuk dimenangi!**” (“**Kempen**”). Kempen ini bermula dari **1 Jun 2020 – 30 September 2020** (“**Tempoh Kempen**”). Bank Islam dirujuk sebagai (“**Pihak Penganjur**”).
2. Bank Islam berhak menukar, meminda atau melanjutkan Tempoh Kempen sekiranya perlu.

Kelayakan

3. Kempen ini hanya terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit-i Bank Islam (Visa & Mastercard) yang merupakan warganegara Malaysia berdasarkan kategori berikut:
 - a) Semua Ahli Kad Utama Kad Kredit-i Bank Islam yang berumur 21 tahun dan ke atas;
 - b) Semua Ahli Kad Tambahan Kad Kredit-i Bank Islam yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Selepas ini disebut sebagai (“**Ahli Kad**”).

4. Golongan individu berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Pekerja atau kakitangan Visa & MasterCard (Tetap / Kontrak);
 - b) Ahli Kad yang membatalkan Kad Kredit-i Bank Islam dalam Tempoh Kempen;
 - c) Ahli Kad yang menutup semua akaun dengan Bank Islam dalam Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga pulangan tunai dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit-i Ahli Kad);
 - d) Ahli Kad Kredit-i Bank Islam Visa Infinite Bisnes.
5. Semua transaksi akan dikawal selia oleh sistem berkomputer secara automatik. Penghantaran borang, SMS, tandatangan kreatif / slogan, dan sebagainya tidak diperlukan.

Mekanisma Kempen

6. Ahli Kad perlu melakukan pengeluaran tunai dengan jumlah pengeluaran minimum sebanyak RM1,000 di mana-mana ATM Bank Islam atau ATM bank lain (dalam negara / luar negara).
7. 3,000 Ahli Kad pertama yang memenuhi mekanisma di atas sepanjang Tempoh Kempen layak mendapat hanya satu (1) pulangan tunai RM20 sahaja (“**Pemenang**”).
8. Pulangan tunai RM20 akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit-i Visa atau Mastercard Pemenang dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh nama para pemenang diumumkan.

9. Pengeluaran tunai akan tertakluk kepada fi dan caj seperti yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan seperti yang dinyatakan dalam laman web Bank Islam. Bank Islam berhak mendebit akaun Ahli Kad untuk fi dan caj tersebut.
10. Caj kewangan ialah 18% setahun berdasarkan perkiraan harian dari tarikh pengeluaran tunai sehingga pembayaran sepenuhnya diselesaikan.
11. Sebarang pengeluaran tunai yang dilakukan dalam matawang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa Visa Worldwide / Mastercard Worldwide.
12. Contoh kelayakan Ahli Kad untuk ilustrasi:

NO	PELANGGAN	PERBELANJAAN / AKTIVITI	KELAYAKAN PULANGAN TUNAI
1	EN.HAZIM	<p>02/06/2020: En. Hazim membuat pengeluaran tunai sebanyak RM2,500 di ATM Bank Islam.</p> <p>20/06/2020: En. Hazim membuat satu lagi pengeluaran tunai sebanyak RM3,000 di ATM Bank lain.</p>	<p>En. Hazim layak mendapat RM20 pulangan tunai sekiranya beliau merupakan salah seorang daripada 3,000 Ahli Kad terawal yang memenuhi Mekanisma kempen.</p> <p>En. Hazim tidak layak untuk mendapat pulangan tunai kerana Ahli Kad hanya boleh mendapat sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</p>
2	EN. HALIM	<p>15/06/2020: En. Halim membuat pengeluaran tunai sebanyak RM2,500 di ATM Bank Islam.</p> <p>15/07/2020: En. Halim membuat satu lagi pengeluaran tunai dengan jumlah sebanyak RM1,000 di ATM bank lain di luar negara.</p>	<p>En. Halim hanya layak mendapat RM20 pulangan tunai sekiranya beliau merupakan salah seorang daripada 3,000 Ahli Kad terawal yang memenuhi Mekanisma kempen.</p> <p>En. Halim tidak layak untuk mendapat pulangan tunai kerana Ahli Kad hanya boleh mendapat sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</p>

3	PN. MAYA	05/10/2020: Pn. Maya membuat pengeluaran tunai sebanyak RM2,500 di ATM bank lain.	Pn. Maya tidak layak untuk mendapat pulangan tunai RM20 kerana transaksi dilakukan selepas Tempoh Kempen tamat.
---	----------	-----------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------

13. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon / SMS / surat / emel / paparan atau siaran di laman web Bank Islam atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain seperti yang disampaikan oleh Bank Islam.

Syarat Am

14. Ahli Kad adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen.

15. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen, Ahli Kad mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanismakempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.

16. Dengan mengambil bahagian di dalam kempen ini, Ahli Kad:

- a) memberi kebenaran kepada Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan kempen ini;
- b) bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar sebagai pemenang di dalam media pemasaran atau laman web Bank Islam untuk tujuan kempen ini (dimana berkenaan); dan
- c) bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.

17. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.

18. Hadiah-hadiah di dalam kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini (jika ada).

19. Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah

berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.

20. Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, Bank Islam di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam dan / atau di laman web Bank Islam.
21. Para pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam, melalui telefon sekurang-kurangnya tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan / penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi para pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan baru / lain bagi Ahli Kad yang lain sebagai pemenang. Wakil para pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.
22. Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis (jika ada) seumpamanya di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
23. Bagi mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
24. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Pemenang yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan / atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan kempen ini.
25. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau

penggantungan kempen oleh Bank Islam tidak membolehkan Ahli Kad yang menyertai kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh mereka sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

26. Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman web Bank Islam dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
27. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit-i. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai bagi tujuan penafsiran dan penguatkuasaan kempen ini.
28. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman web kami di <https://www.bankislam.com/>